

MT Umno pantau tindak-tanduk

KANGAR: Majlis Tertinggi (MT) Umno akan terus memantau tindak-tanduk bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad walaupun memutuskan tiada tindakan diambil terhadapnya kerana lantang mengkritik kerajaan.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, berkata Umno tidak akan teragak-agak mengenakan tindakan terhadap Dr Mahathir jika terus mengkritik dasar kerajaan dan kepemimpinannya.

"Jika sudah tiba masanya Umno mengambil tindakan yang lebih tegas (terhadap Dr Mahathir), kita tetap akan ambil dan tindak-tanduk beliau akan menentukan pendirian parti terhadapnya," katanya pada majlis sambutan Aidilfitri anjuran Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail di Dewan Sivik Arau dekat sini, petang semalam.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung keputusan MT tidak mengambil tindakan disiplin terhadap Dr Mahathir, termasuk melucutkan jawatannya sebagai penasihat kepada beberapa syarikat dan badan separa kerajaan.

Bagaimanapun, Perdana Men-

teri menegaskan, keputusan MT itu tidak bermakna Dr Mahathir kebal daripada dikenakan sebarang tindakan jika melanggar peraturan dan perlembagaan parti.

Mengulas lanjut, Radzi yang juga Ahli Parlimen Kangar berkata, keputusan MT untuk tidak mengambil tindakan disiplin terhadap Dr Mahathir menunjukkan parti itu mempunyai 'hati yang besar'.

Katanya, isu bekas Perdana Menteri itu dibincangkan secara serius pada mesyuarat MT kelmarin berikutan tindakannya lantang mengkritik kepemimpinan parti dan kerajaan secara terbuka.

"Semua ahli MT menyuarakan pandangan mereka dan ini adalah keputusan sebulat suara (untuk tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Dr Mahathir).

"Presiden turut memaklumkan dan menjelaskan kepada ahli MT berhubung perjumpaan empat mata antara beliau dengan Dr Mahathir baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata, Abdullah memberi jaminan akan menjelaskan kepada rakyat mengenai pelbagai isu yang dibangkitkan Dr Mahathir pada masa yang difikirkan sesuai.